

CONTOH FORMAT SURAT YANG DISERAGAMKAN



MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
BANDAR BARU NILAI, 71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
Tel : (606) 798 6116/ 6159
Faks : (606) 798 6155



Kelab Debat
Tel: 06-798 6159 Faks: 06-798 6155

KD/USIM 90.2/59/11 Jld 8 (01)
21 Rabiulakhir 1436 H/ 11 Februari 2015

Dr. Mahazan Abdul Mutalib
Pengurus
PEJABAT PERHUBUNGAN ALUMNI USIM

Melalui:

Encik Ahmad Nazmee Adnan
Penolong Pendaftar
Unit Kepimpinan Pelajar
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR


AHMAD NAZMEE ADNAN
Penolong Pendaftar
Unit Kepimpinan Pelajar
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Universiti Sains Islam Malaysia

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan,

MEMOHON SUMBANGAN DANA BAGI PROGRAM KEJOHANAN DEBAT PIALA IBNU KHALDUN

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Sekretariat Mahasiswa/i Fakulti Ekonomi dan Muamalat (SekreFEM) dengan kerjasama Kelab Debat USIM akan menganjurkan Kejohanan Debat Piala Ibnu Khaldun pada 26 – 29 Mac 2015 bertempat di Pusat Tamhid.

3. Untuk makluman Tuan, objektif program ini adalah untuk membina jati diri pelajar yang mempunyai minat dalam bidang ekonomi untuk bersuara dan berani memamerkan bakat berdebat. Selain itu juga, kejohanan ini akan membawa FEM dan USIM ke satu tahap yang lebih tinggi sebagai universiti yang mampu menganjurkan program debat berteraskan ekonomi.

4. Sehubungan dengan itu, pihak kami memohon pertimbangan Tuan untuk menyumbang dana sebanyak **RM2,000 (Ringgit Malaysia: Dua Ribu Sahaja)** bagi menjayakan kejohanan ini.

...5. Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan dengan menghubungi saya di talian 017-343 9312. Bersama-sama ini disertakan lampiran kertas kerja untuk rujukan Tuan selanjutnya.

Segala kerjasama dan perhatian daripada Tuan dalam hal ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERILMU, BERDISPLIN DAN BERTAKWA"

Saya yang menjalankan tugas,


(NOR AMIRUL SYAFIQ NORHATTA)
Pengarah
Program Kejohanan Debat Piala Ibnu Khaldun
Universiti Sains Islam Malaysia